

# PROMEDYL DM LINCTUS

Dextromethorphan hydrobromide/Chlorpheniramine maleate/Pseudoephedrine hydrochloride (15mg/2mg/30mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Promedyl DM Linctus
2. Bagaimana Promedyl DM Linctus berfungsi
3. Sebelum menggunakan Promedyl DM Linctus
4. Cara menggunakan Promedyl DM Linctus
5. Semasa menggunakan Promedyl DM Linctus
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Promedyl DM Linctus
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Promedyl DM Linctus

Promedyl DM Linctus digunakan untuk melegakan batuk kering yang merengsakan dan kesesakan hidung.

## Bagaimana Promedyl DM Linctus berfungsi

Dextromethorphan hydrobromide adalah penahan batuk yang digunakan untuk melegakan batuk kering. Ia mempunyai tindakan utama di pusat batuk di otak. Walaupun ia mempunyai struktur yang berkaitan dengan morfin, *dextromethorphan* tidak mempunyai sifat yang melegakan kesakitan dan menyebabkan sedikit rasa mengantuk.

Chlorpheniramine maleate ialah sejenis antihistamina yang menghalang bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa tindak balas alahan. Ini juga membantu mengeringkan lapisan hidung.

Pseudoephedrine hydrochloride, sejenis dekonjestan yang mengurangkan kebengkakan saluran darah dalam hidung anda. Ini membantu membuka saluran pernafasan hidung bagi memudahkan pernafasan.

## Sebelum menggunakan Promedyl DM Linctus

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Promedyl DM Linctus sekiranya anda:

- mengalami alahan kepada sebarang ubat yang mengandungi dextromethorphan, chlorpheniramine maleate, pseudoephedrine hydrochloride atau sebarang bahan-bahan yang terkandung dalam produk ini.
- menghadapi penyakit jantung
- menghadapi tekanan darah tinggi yang serius
- sedang menerima terapi monoamine oxidase inhibitors (MAOIs- ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan)

Apabila Promedyl DM Linctus digunakan untuk rawatan batuk dan selesema, ia tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak di bawah 2 tahun. Ia perlu digunakan dengan berhati-hati dengan nasihat doktor atau ahli farmasi bagi kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

Pening, mengantuk, kekeliruan dan tekanan darah rendah mungkin lebih kerap berlaku pada orang tua. Orang tua lebih terdedah kepada kesan antikolinergik seperti mulut kering dan kesukaran membuang air kecil (terutamanya lelaki). Jika kesan-kesan sampingan berlaku dan berlarutan atau menjadi teruk, ubat-ubatan mungkin perlu dihentikan.

Jangan mengambil ubat ini jika terdapat tanda koyakan atau salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Sebelum mula menggunakan Promedyl Plus Linctus

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang

ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Jika anda mempunyai alahan kepada antihistamina, anda berkemungkinan sensitif kepada yang lain juga.

*Mengandung dan menyusukan bayi*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil atau merancang untuk hamil atau menyusukan bayi. Antihistamina mungkin menyebabkan keterujaan atau kerengsaan pada bayi yang menyusu.

Janin atau bayi baru lahir memerlukan penjagaan rapi terutama apabila ubat ini digunakan dalam dos yang tinggi dan/atau tempoh masa yang panjang.

Doktor atau ahli farmasi anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan faedah mengambil ubat ini

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- asma atau masalah pernafasan yang lain
- leher pundi kencing tersumbat
- penyakit hati, buah pinggang atau jantung
- glaukoma (tekanan dalam mata yang tinggi)
- *stenosing peptic ulcer* (parut dan kebengkakan yang diakibatkan oleh ulser menyebabkan penyempitan dalam duodenum dan halangan saluran keluar gastrik)
- *pyloroduodenal obstruction* (penyumbatan saluran antara perut dan bahagian pertama usus kecil)
- kelenjar prostat membesar
- kencing manis
- kelenjar tiroid terlalu aktif

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Promedyl DM Linctus.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Promedyl DM Linctus boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuk:

- Ubat-ubatan untuk merawat masalah kemurungan seperti maprotiline, tricyclic antidepressants atau monoamine oxidase inhibitors yang termasuk furazolidone dan procarbazine
- antikolinergik

Sebarang gangguan melibatkan perut perlu dilaporkan dengan segera kerana kemungkinan berlakunya kelumpuhan di otot usus apabila anda sedang mengambil terapi.

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh Promedyl DM Linctus atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian atau yang perlu dielakkan semasa mengambil Promedyl Plus Linctus

**Cara menggunakan Promedyl DM Linctus**

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada botol, sila bertanya kepada ahli farmasi, jururawat atau doktor untuk menerangkan arahan dan cara menggunakannya kepada anda.

Bagi memastikan anda mendapatkan dos yang tepat, guna sudu atau cawan pengukur dos dan bukan sudu biasa di rumah. Jika anda tiada alat pengukur dos, tanya ahli farmasi anda di mana alat ini boleh diperoleh.

- Berapa banyak harus digunakan

*Kanak-kanak di bawah 2 tahun:*  
Tidak disarankan.

*Kanak-kanak 2 hingga 5 tahun:*  
2.5ml tiga kali sehari.

*Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:*  
5ml tiga kali sehari.

*Dewasa:*  
10ml tiga kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ubat ini harus diambil dengan makanan, air atau susu untuk mengurangkan kerengsaan perut.

Minum segelas air selepas mengambil ubat untuk membantu mencairkan mukus dalam paru-paru.

Diambil tiga kali sehari tanpa dicairkan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah menghampiri waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingati masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan panduan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk:

- konvulsi
- pernafasan yang cepat
- khayalan
- peningkatan tekanan darah
- denyutan jantung yang tidak tetap
- sesak nafas atau kesukaran bernafas
- kegemuruhan yang luar biasa
- kegelisahan atau keterujaan

**Semasa menggunakan Promedyl DM Linctus**

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Promedyl DM Linctus untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati jika anda memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan Promedyl DM Linctus terhadap anda. Ubat ini boleh menyebabkan rasa pening, mengantuk

bagi sesetengah orang. Sekiranya ini berlaku pada anda, jangan memandu atau mengendalikan mesin.

### Kesan-kesan sampingan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda berasa tidak sihat semasa mengambil Promedyl DM Linctus. Ubat ini membantu ramai orang tapi ianya juga mempunyai kesan-kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah orang.

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan tersebut.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami masalah berikut dan ianya membimbangkan anda:

- denyutan jantung yang laju
- peningkatan tekanan darah
- keresahan
- kegelisahan
- keletihan ringan
- pening
- cirit-birit
- sembelit
- rasa loya
- muntah-muntah
- rasa mengantuk

Senarai diatas adalah termasuk kesan sampingan yang biasa untuk ubat ini.

Kesan sampingan yang disenaraikan jarang berlaku, jika salah satu daripada kesan-kesan sampingan berikut berlaku, beritahu doktor anda segera atau pergi ke bahagian Kecemasan dan Kemalangan di hospital yang berdekatan:

- tekanan darah rendah
- *tinnitus* (bunyi atau dering dalam telinga)
- sakit kepala
- *paraesthesia* (rasa seperti ada cucukan, pedis, kebas pada kulit)
- khayalan

Beritahu doctor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

### Cara penyimpanan dan pelupusan Promedyl Plus Linctus

#### - Penyimpanan

Simpan ubat anda di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Pastikan bekas ubat ditutup dengan ketat.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepasi tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusan dan botol. Tarikh tamat tempoh adalah hari terakhir pada bulan tersebut.

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Sirap jernih yang berperisa, tidak berwarna ke warna kekuningan.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif  
Setiap 5ml Promedyl DM Linctus mengandungi 15mg Dextromethorphan hydrobromide, 2mg Chlorpheniramine maleate

dan 30mg Pseudoephedrine hydrochloride.

- Bahan-bahan tidak aktif
  - Saccharin sodium
  - Polyvinyl pyrrolidone (Povidone)
  - Propylparaben
  - Sorbitol 70%
  - Lychee flavour
  - Citric acid
  - Glycerin
  - Methylparaben
  - Menthol
  - Propylene glycol

- Nombor MAL  
MAL05032522AZ

### Pengilang

UPHA Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

### Pemegang Pendaftaran Produk

CCM Pharmaceuticals Sdn Bhd (27754-W)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

### Tarikh kemaskini RiMUP

28/07/2017

Nombor Siri:  
BPFK (R4/1)280717/00184